

**TALKING POINTS**  
**YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH**  
**ABDULLAH**  
**PRESIDEN ANGKASA**  
**MERANGKAP PRESIDEN ASEAN CO-**  
**OPERATIVE ORGANIZATION (ACO)**

**PERASMIAN PROGRAM  
KOPERASI PRIHATIN SEJUTA POKOK,  
PENGHIJAUAN MALAYSIA**

**20 OGOS 2022 (SABTU)  
2:00 PETANG**

**SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN  
TUNKU TEMENGGUNG, PENDANG KEDAH**

---

Bismillahirrahmanirahim

Assalamualaikum Warrahmatullahi  
Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan salam Keluarga  
Malaysia

Terima Kasih Pengacara Majlis

[SALUTASI DISEDIAKAN URUSETIA]

---

1. Alhamdulillah kerana dengan izin-NYA, kita dapat bersama menjayakan Program Koperasi Sejuta Pokok, Penghijauan Malaysia peringkat

Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Temenggung, hari ini.

2. Saya merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Pengerusi koperasi, pentadbiran sekolah, warga sekolah dan JPAN Kedah kerana menjayakan program ini.

## **Hadirin yang dihormati sekalian**

3. Sepertimana kita sedia maklum, Agenda Penghijauan Negara dilaksanakan untuk mencapai objektif memperkayakan khazanah hutan kita. Di peringkat gerakan koperasi, ANGKASA mengetuai program ini

dengan kerjasama Institut Perubahan Iklim, Universiti Kebangsaan Malaysia, Yayasan Hijau Malaysia dan rakan-rakan strategik dari pelbagai agensi kerajaan serta badan bukan kerajaan.

4. ANGKASA sentiasa menyokong usaha positif untuk memastikan

khazanah hutan negara terus kekal dan dipelihara serta dapat dimanfaatkan sebaik mungkin selaras prinsip ketujuh koperasi, berprihatin terhadap masyarakat dan komitmen dalam menyokong Matlamat Pembangunan Mampan 2030 (SDG2030).



5. Khazanah hutan yang menghijau, bukan sahaja memberi kebaikan kepada kesihatan, tetapi membantu dalam pembangunan ekonomi negara. Justeru, penanaman pelbagai spesies pokok menerusi kempen ini akan memberi manfaat kepada komuniti, masyarakat dan negara antaranya

pendapatan daripada sektor ekopelancongan berasaskan alam sekitar. Selain pelancongan, sumber hutan yang banyak akan membangunkan industri berasaskan kayu. Ini pastinya meningkatkan keupayaan kerajaan menyediakan kemudahan infrastruktur dan menjana peluang pekerjaan.

## **Hadirin yang dihormati sekalian**

6. Memelihara dan menjaga hutan serta alam sekitar bukan tugas kerajaan semata-mata, sebaliknya juga tugas semua pihak termasuk sekolah. Selaku Presiden ANGKASA, besarlah harapan saya agar program pada hari ini akan

menaikkan semangat warga sekolah ini dan menyemarakkan usaha menanam pokok di Kedah khususnya dalam kawasan sekolah.

7. Justeru, saya mengambil kesempatan ini menjemput semua koperasi sekolah di seluruh Malaysia

untuk menyokong dan menyertai program ini menerusi penanaman pokok secara serentak oleh koperasi sekolah di seluruh Malaysia yang akan dirangka oleh program ini pada tahun ini. Program penanaman pokok secara serentak ini, dijangka disertai 2,000

koperasi sekolah dengan keanggotaan 1.96 juta.

8. Konsep program penanaman pokok secara serentak ini adalah 1 koperasi, 1 pokok yang mana setiap anggota koperasi sekolah menanam sebatang pokok di sekolah atau di

rumah masing-masing dan merekodkan penanaman pokok ini menerusi aplikasi "PENGHIJAUAN MALAYSIA" yang dibangunkan oleh Kementerian Tenaga dan Sumber Asli untuk data pencapaian agenda Penghijauan Malaysia.

9. Program Koperasi Prihatin Sejuta Pokok dianjurkan ANGKASA bersempena sambutan 100 Tahun koperasi dan kempen ini akan dijalankan secara berterusan selama dua tahun iaitu sehingga tahun 2023.



10. Oleh itu, saya menyeru agar kita semua berganding bahu menjayakan Agenda Penghijauan Negara melalui kempen ini dengan jayanya. Ini kerana hutan yang subur menghijau menjadi tempat perlindungan kepada hidupan liar dan tumbuhan bernilai tinggi. Inisiatif penanaman pokok ini sudah tentu

dapat membantu kerajaan dalam usaha pengurusan hutan secara berkekalan di negara ini.

Saya dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim dengan ini merasmikan Program Koperasi Prihatin Sejuta Pokok, Penghijauan Malaysia

anjakan SMK Tunku Temenggung  
Pendang Berhad dengan kerjasama  
JPAN Kedah.

Sekian, wabillahi taufik wal hidayah,  
wassalamualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh.